

BIO TEST

Your reliable home test kits series

Urinary Tract Infection Test Kit

Product Code 9 555223 208067

Untuk kegunaan in vitro diagnostic sahaja
Simpan antara suhu (15-30°C)

Arahan

Sila baca kesemua arahan sebelum melakukan ujian. Semak tarikh lupus yang dicetak atas foil. Simpan alat penguji di tempat yang kering dalam suhu 15 hingga 30 darjah Celsius. Jangan simpan dalam peti sejuk. Alat penguji adalah peka kepada faktor-faktor seperti kelembapan atau keabangan. Oleh itu jangan buka foil sehingga anda sedia melakukan ujian dengan serta merta.

Dasar Ujian


Jangkitan Bakteria Saluran Kencing (*Urinary Tract Infection, UTI*) merupakan sejenis masalah kesihatan yang dialami oleh berjuta pesakit setiap tahun. UTI adalah disebabkan oleh kehadiran bakteria dalam saluran kencing yang bermula dengan urat yang mengeluarkan air kencing (*urethra*), urat perut dari buah pinggang ke pundi kencing (*ureter*), pundi kencing dan buah pinggang. Petanda-petanda UTI dibahagi kepada dua kumpulan. 1 – jangkitan / kebengkakan pundi-pundi dan / atau urat yang mengeluarkan air kencing dan 2 – jangkitan dalam ginjal. Petanda kumpulan 1 termasuklah sakit tulang belakang, kehadiran darah dalam air kencing, air kencing yang tidak terang, kepayahan untuk membuang air kencing, kekerapan untuk membuang air kencing, kesakitan / ketidak selesaan apabila membuang air kencing atau demam. Petanda kumpulan 2 adalah terasa sejuk, demam tinggi, rasa mual, muntah atau kesakitan sekitar tulang rusuk.

Alat penguji BIOTEST Jangkitan Bakteria Saluran Kencing (UTI) direka khas untuk mengenal pasti kehadiran sel darah putih (*leukocytes*), sel darah merah (RBCs) dan bakteria dalam air kencing. Sel darah putih merupakan sel yang melindungi badan dari kehadiran sel-sel asing dan selalunya merupakan petanda pertama badan diserang bakteria. Kehadiran sel darah putih dalam air kencing merupakan indikasi bahawa bakteria menjangkiti saluran kencing. Apabila in berlaku, sel darah putih berpindah dari kapilari sekitar saluran air kencing ke dalam 'lumen' untuk membunuh bakteria. Pemindahan ini juga melibatkan sel darah merah disebabkan oleh peresapan yang lebih tinggi dalam kapilari. Sesetengah bakteria seperti *E.coli* mengeluarkan elemen *Nitrite*.

Alat Penguji BIOTEST Jangkitan Bakteria Saluran Kencing (UTI) merupakan satu jalur penguji untuk mengesan kehadiran *leukocytes* (sel darah putih), *RBCs* (sel darah merah) dan *nitrite* dalam air kencing untuk mengenal pasti jangkitan saluran air kencing. Alat penguji ini memberi keputusan dalam carta warna seperti yang dicetak atas kotak. Setiap warna menandakan ketinggian tahap kehadiran *leukocytes*, *RBCs* atau *nitrite*.

Ujian

- Gunakan bekas yang dibekalkan untuk mengumpul air kencing. Lakukan ujian serta merta selepas mengumpul air kencing.
- Buka bungkusan BIOTEST dan keluarkan alat penguji. Kenalpastikan kedudukan *RBCs*, *nitrite* dan *leukocytes* dalam jalur penguji. Lihat gambarajah dibawah.



- Celupkan jalur penguji dalam air kencing sehingga kawasan ujian tenggelam dalam air kencing selama 1 saat.
- Keluarkan jalur penguji dan letakkannya secara rata dengan kawasan ujian menghala ke atas.
- Tunggu selama 30 saat untuk keputusan.
- Baca keputusan dengan membandingkan warna dalam kawasan ujian dalam jalur penguji dengan carta warna yang dicetak atas kotak.
- Kenalpastikan warna yang paling dekat dengan carta warna. Pertukaran warna sekitar hujung / pinggir kawasan ujian adalah tidak sah. Lakukan ujian sekali lagi dengan menggunakan alat penguji yang baru. Keputusan selepas 60 saat adalah tidak tepat.

Keputusan

Keputusan adalah diperolehi dengan membandingkan warna dalam jalur penguji dengan warna dalam carta warna atas kotak. Untuk ujian jangkitan bakteria saluran kencing (UTI), sebarang pertukaran warna dalam ujian adalah dianggap sebagai positif. Lihat jadual dibawah untuk interpretasi dan nasihat seterusnya.

<i>Leukocytes</i> (Sel darah putih)	<i>Nitrite</i>	<i>RBCs</i> (Sel darah merah)	Tafsiran
Positif	Positif	Positif	Anda dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Terdapat kehadiran bakteria. Kehadiran sel darah merah menandakan jangkitan agak serius. Jumpa doktor segera.
		Negatif	Anda dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Terdapat kehadiran bakteria. Jumpa doktor segera.
	Negatif	Positif	Anda dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Anda mungkin dijangkiti bakteria yang tidak mengeluarkan nitrite. Kehadiran sel darah merah menandakan jangkitan agak serius. Jumpa doctor segera.

		Negatif	Anda dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Anda mungkin dijangkiti bakteria yang tidak mengeluarkan nitrite. Jumpa doctor segera.
Negatif	Positif	Positif	Jalani ujian sekali lagi. Sekiranya keputusan adalah sama, dapatkan nasihat doktor. Anda mungkin dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Kehadiran bakteria dan sel darah merah dalam air kencing menandakan jangkitan mungkin serius.
		Negatif	Jalani ujian sekali lagi. Sekiranya keputusan adalah sama, dapatkan nasihat doktor. Anda mungkin dijangkiti bakteria dalam saluran kencing. Terdapat kehadiran bakteria dalam air kencing.
	Negatif	Positif	Tiada jangkitan bakteria dalam saluran kencing
		Negatif	Kehadiran sel darah merah mungkin disebabkan terdapat masalah dalam buah pinggang. Anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor.
		Negatif	Tiada jangkitan bakteria dalam saluran kencing.

Nasihat

Alat Penguji BIOTEST Jangkitan Bakteria Saluran Kencing (UTI) merupakan langkah pertama untuk mengesan kehadiran sel darah merah, sel darah putih dan nitrite. Alat penguji ini mungkin mempunyai kekurangan dimana kawasan ujian boleh bertukar warna disebabkan oleh lain-lain faktor. Bahan ubatan yang mungkin mengaibakkan keputusan RBC tidak tepat termasuklah ascorbic acid, accutane, anticoagulants dan sulfa drugs. Bahan ubatan yang mungkin mengaibakkan keputusan leukocytes tidak tepat termasuklah cephalixin, gentamicin, oxalic acid, oxidizing agent dan tetracycline. Bahan ubatan yang mungkin akan mengaibakkan keputusan nitrite tidak tepat termasuklah oral contraceptives, phenazopyridine, antibiotics, anti-inflammatories (corticosteroids dan phenylbutazone) dan ascorbic acid.

Sekiranya anda memperoleh keputusan positif, sila dapatkan nasihat doktor untuk melakukan ujian yang lebih komprehensif. Sekiranya keputusan adalah negatif tetapi anda masih mengalami petanda-petanda seperti yang dijelaskan diatas, sila jumpa doktor dengan segera juga.

Rangkaian ujian BioTest merupakan langkah pertama untuk menguji dan tidak boleh digunakan sebagai kesimpulan muktamad keadaan kesihatan anda. Sila bincangkan keputusan ujian dengan doktor atau ahli farmasi anda.

IFU-BT-UTI-v2.2007

Dikilang oleh Atlas Medical
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK
BIOTEST adalah hak-milik Bio-gro Sdn Bhd
Lawati laman www.bio-test.info

If there is any inconsistency or ambiguity in any of the languages or translations in this Instruction for Use (IFU), the English Language version is the authoritative version.

ISO 639-2 Code	Language
ENG	English Language
MAY	Bahasa Melayu
CHI	Chinese Language
PHI	Philippine Language
THA	Thai
ARA	Arabic